

16 OCT 2003

OIC-Reaksi (Palestin)/I

PALESTIN HANYA MAHU PENYELESAIAN PRAKTIKAL TERHADAP KRISIS

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) hanya mahukan satu penyelesaian praktikal dan adil terhadap krisis berpanjangan Palestin-Israel, kata Duta Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra hari ini.

"Kami tidak mahukan peperangan...kami inginkan perdamaian. Kami menggesa semua pihak berkenaan untuk mewujudkan keamanan.

"Apa yang kami mahukan ialah satu penyelesaian praktikal yang munasabah dan adil untuk menyelesaikan konflik ini," katanya menyentuh gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa hanya sebuah dunia Islam yang bersatu yang boleh bertahan terhadap serangan hebat ke atas ummah.

Al Farra berkata dunia menghormati hanya negara yang kuat dan berkuasa dan tidak mepedulikan yang lemah.

"Kami menyokong gesaan Dr Mahathir bagi perpaduan. Jika kita lemah, tiada siapa yang akan menghormati kita," katanya kepada pemberita di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Dr Mahathir, dalam ucapannya juga berkata negara Islam perlu bersatu dahulu untuk menangani masalah yang melanda ummah.

Al-Farra berkata negara Islam harus menggunakan kekayaan mereka untuk menunjukkan kekuatan kepada dunia dan memastikan pandangan mereka didengar.

Ketika diminta mengulas kejadian terbaru empat warga Amerika Syarikat terbunuh dalam satu letupan di tepi jalan di bandar Beit Hanun, utara Semenanjung Gaza, Al Farra berkata ia bukannya satu serangan yang dirancang rakyat Palestin.

"Ini bukannya cara rakyat Palestin...tiada siapa daripada kami akan membunuh rakyat Amerika yang datang untuk membantu kami...ini cuma satu konspirasi untuk mencemarkan nama baik kerajaan Palestin," katanya.

Dalam kejadian itu, empat rakyat Amerika terbunuh dan seorang cedera apabial satu letupan di tepi jalan, mengenai satu konvoi diplomatik Amerika.

Kejadian itu berlaku hanya beberapa jam selepas Amerika menentang dengan kuasa vetonya satu resolusi Majlis Keselamatan untuk mengutuk pembinaan tembok pemisah di sepanjang Tebing Barat.

-- BERNAMA

SR AZZ RON